

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
JALAN CENDERASARI
50590 KUALA LUMPUR

Bil. (73) dlm. KKM-82/2/6

5 hb Disember, 1986

Pengarah Perkhidmatan Perubatan & Kesihatan,
Negeri.

Pengarah Perkhidmatan Perubatan,
Sabah/Sarawak.

Pengarah Yayasan.

SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL. 16/1986

Senarai Ubat-ubatan Kementerian Kesihatan 1983

Surat pekeliling ini bertujuan meningkatkan kawalan keatas pembelian tempatan ubat-ubatan dalam Senarai Ubat-ubatan Kementerian Kesihatan 1983, dan mengingatkan pegawai-pegawai tentang penggunaan ubat-ubatan diluar Senarai Ubat-ubatan Kementerian Kesihatan 1983.


2. Mengikut peraturan sekarang hanya ubat-ubat yang tersenarai dalam Senarai Ubat-ubatan Kementerian Kesihatan 1983 boleh digunakan di institusi-institusi Kementerian. Ubat yang menjadi standard item Makmal Ubat dan Stor Petaling Jaya hendaklah diperoleh dari Makmal Ubat dan Stor Petaling Jaya, sementara ubat-ubat yang bukan standard item tetapi termasuk dalam Senarai boleh digunakan dan dibeli melalui pesanan pembelian tempatan. Kajian yang telah dijalankan menunjukkan beberapa kelemahan seperti berikut:

- (a) Lebih kurang 30% perbelanjaan ubat-ubat digunakan untuk pembelian tempatan.
- (b) Sejumlah yang besar ubat-ubat yang merupakan standard item masih dibeli melalui pembelian tempatan oleh beberapa institusi.
- (c) Kadar penggunaan beberapa jenis ubat yang bukan standard dan yang dibeli melalui pembelian tempatan sangat-sangat berbeza dari satu institusi kepada satu institusi yang lain.

dan (d) Masih ada pegawai-pegawai yang menggunakan ubat-ubat yang diluar Senarai Ubat-ubatan Kementerian Kesihatan 1983.

3. Dengan ini tindakan yang berikut hendaklah diambil:
- (a) Sistem perolehan dan bekalan hendaklah ditingkatkan supaya pembelian tempatan ubat-ubat standard dapat dikurangkan.
 - (b) Pengarah-Pengarah dan pegawai-pegawai yang menjaga institusi hendaklah meningkatkan kawalan keatas penggunaan ubat-ubat yang non-standard dan pembelian tempatan ubat-ubat tersebut.
 - (c) Semua pegawai hendaklah diingatkan ubat-ubat diluar Senarai Ubat-ubatan Kementerian Kesihatan 1983 tidak boleh digunakan kecuali diluluskan oleh pejabat ini. Pegawai-pegawai juga hendaklah diingatkan sebarang risiko kerana menggunakan ubat-ubat yang diluar Senarai Ubat-ubatan Kementerian Kesihatan 1983 akan ditanggung oleh pegawai-pegawai yang berkenaan.
4. Pelaksanaan surat pekeliling ini akan dimonitor oleh Pengarah Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan.

Saya yang menurut perintah,


Tan Sri Datuk (Dr) Abdul Khalid bin Sahan
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

s.k: YB Menteri Kesihatan.
YB Timbalan Menteri Kesihatan.
YB Setiausaha Parlimen.
Ketua Setiausaha.
Semua Ketua Bahagian.
Pegawai Kanan Perhubungan Awam.
Pengarah, Makmal Ubat dan Stor PJ.

-/re